

» Peruntukan khas untuk majikan boleh bantu laksana cara kerja fleksibel

Pada pembentangan Bajet 2014, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mencadangkan kepada majikan di Malaysia untuk mengadakan Skim Aturan Kerja Fleksibel (FWA) yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat bekerja terutamanya kepada pekerja wanita.

Pada bulan Mac yang lalu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan sistem aturan kerja anjal Fasa I untuk kakitangannya yang bermula pada 16 Mac sehingga 31 Mei lalu.

Ia bertujuan bagi memudahkan kakitangan dan pegawai, khususnya pekerja wanita untuk melaksanakan tugas pejabat masing-masing dengan lebih fleksibel tanpa perlu berada di pejabat pada setiap masa.

Selepas berjaya dilaksanakan, Kementerian terbahit menerima maklum balas yang positif daripada semua pihak. Sehubungan itu, KPWKM bersetuju untuk melaksanakan FWA Fasa II yang dilaksanakan mulai 1 Jun hingga 31 Ogos lalu.

Sistem aturan kerja yang baru diperkenalkan ini dapat memudahkan kakitangan yang terbahit untuk melakukan tugas pejabat yang diamanahkan lebih baik dan pada masa sama, dapat memberi fokus terhadap tanggungjawab dipikul untuk keluarga di rumah.

Tiga kaedah

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata sistem aturan kerja anjal yang diperkenalkan itu terbahagi kepada tiga kaedah iaitu bekerja dari rumah (BDR), masa kerja anjal (FWH) dan waktu bekerja mingguan yang diubah suai.



Bajet 2016 diharapkan memberi insentif yang lebih baik untuk wanita yang bekerja.

[GAMBAR HIASAN]

Waktu kerja anjal, insentif Bajet 2016

Permohonan untuk menyertai aturan kerja anjal terbahit dibuka sejak mula ia diperkenalkan pada 1 Mac dan mereka yang didapati layak untuk mengikuti sistem kerja anjal akan dinilai dengan teliti terlebih dahulu oleh ketua jabatan masing-masing.

Antara kriteria umum yang akan dilihat sebelum sebarang kelulusan diberikan adalah berdasarkan rekod kerja yang baik, berdisiplin, bebas daripada tindakan tatatertib dan kurang memerlukan penyeliaan serta diyakini amanah dan jujur melakukan sesuatu tugas diberikan.

Usaha yang diambil oleh KPWKM itu mula mendapat perhatian positif daripada pelbagai jabatan dan agensi

kerajaan serta pihak swasta dalam usaha untuk mengimbangkan tugas berat yang perlu dipikul oleh seseorang pekerja pada masa kini, terutama pekerja wanita. Mereka perlu menggalas tugas di pejabat dan pada masa sama bertanggungjawab untuk memenuhi serta menyediakan keperluan terhadap keluarga masing-masing di rumah.

Rohani berkata, waktu kerja anjal ini dilihat masih belum diterima oleh kebanyakan majikan di negara ini. Konsep sistem kerja anjal atau secara fleksibel ini sudah lama diamalkan di negara maju.

Semakin diterima masyarakat

Bekerja dari rumah atau lebih juga dikenali sebagai *Small Office Home Office (SOHO)* bukanlah satu perkara asing di dalam dunia moden kini. Ia semakin diterima masyarakat, lebih-lebih lagi dengan kemajuan dan kecekapan teknologi komunikasi serta maklumat (ICT).

Pelaksanaan sistem terbahit juga dilihat dapat menambahkan produktiviti pekerja, malah pada masa yang sama membantu meningkatkan dan membawa lebih banyak keuntungan terhadap sesebuah organisasi yang melaksanakannya.

Pelaksanaan waktu kerja anjal juga dilihat menjadi satu keperluan pada masa kini bagi memudahkan pekerja, terutamanya kakitangan wanita bagi mengimbangi tugas di pejabat dan peranan yang perlu mereka mainkan dalam keluarga.

Namun, apa yang menjadi isu dalam pelaksanaan aturan kerja anjal mungkin kerana ketiadaan undang-undang dan peraturan yang khusus

atau jelas mengenainya untuk diikuti oleh majikan di negara kita.

Justeru, adalah penting bagi usaha permulaan yang sudah diambil oleh pihak kerajaan melalui proses pembentangan Bajet 2014 lalu diteruskan melalui pembentangan Bajet 2016 yang akan datang. Adalah penting, bagi mewujudkan satu peruntukan lebih jelas dari sudut perundangan bagi menjayakan pelaksanaan waktu kerja anjal dalam negara kita.

Peruntukan khas untuk majikan

Selain itu, kerajaan juga boleh menimbangkan melalui Bajet 2016 yang akan datang untuk memberi peruntukan khas atau langkah dorongan kepada majikan yang melaksanakan waktu kerja anjal di tempat kerja masing-masing.

Melalui peruntukan khas atau pemberian sesuatu dorongan dan insentif, sudah pasti pihak majikan tidak teragak-agak akan melaksanakan waktu aturan kerja anjal di tempat kerja mereka.

Dengan pelbagai faedah yang boleh diperoleh melalui sistem kerja baharu ini, sudah pasti ia dapat meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti kehidupan seseorang pekerja serta pada masa yang sama, dapat menghasilkan keluarga sihat dan masyarakat penyayang. Ini juga selaras dengan slogan Hari Pekerja yang diraikan pada bulan Mei lalu iaitu 'Pekerja Sihat Produktiviti Meningkatkan'.

© Penulis adalah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW



Pelaksanaan waktu kerja anjal membolehkan pekerja wanita lebih produktif.

[GAMBAR HIASAN]